

30 APR 1996

Rozali - Pas

SEMANGAT 46 BERUSAHA ADAKAN RUNDINGAN DENGAN PAS

KOTA BAHARU, 30 April (Bernama) -- Parti Melayu Semangat 46 (S46) akan terus berusaha untuk berunding dengan PAS berhubung dengan cadangan kerajaan negeri untuk meminda Pelembagaan Negeri bagi menghadkan kuasa Sultan.

Pengerusi S46 Kelantan Datuk Rozali Isohak berkata isu itu boleh diselesaikan dengan berkesan jika semua pihak yang terlibat mengamalkan sikap terbuka dan toleransi tanpa kepentingan peribadi.

"Kita yakin isu itu boleh diselesaikan sekiranya kedua-dua pihak tidak mengeluarkan kenyataan yang boleh mengeruhkan lagi keadaan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Rozali yang juga Timbalan Menteri Besar menyifatkan hubungannya dengan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai rapat tanpa masalah.

Menurutnya, S46 mahu mengekalkan kerjasama dengan PAS dalam Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) di Kelantan yang juga dianggotai oleh Hamim dan Berjasa.

"Tidak timbul anggapan Angkatan atau S46 akan menarik diri dari kerajaan negeri Kelantan, itu semua cuma spekulasi," tambahnya.

Rozali berkata pentadbiran negeri berjalan lancar, malahan mesyuarat Exco hari ini diteruskan tanpa masalah.

Ketika ditanya sama ada S46 akan menyokong pindaan itu, beliau berkata perkara itu hanya boleh diputuskan setelah ia dirujuk kepada kepimpinan parti.

"PAS perlu berbincang dengan semua anggota Angkatan bagi mendapatkan sokongan kerana mereka tidak akan keseorangan ke Dewan Undangan Negeri bagi membentang dan meluluskannya," katanya.

Rozali menolak andaian bahawa krisis antara S46 dan PAS telah sampai ke tahap kritikal.

Sebelum itu, Rozali mengadakan perbincangan dengan tiga anggota Exco dari S46 -- Kapt (B) Mohd Nor Ahmad (Pulai Chondong), Haji Daud Jaafar (Jelawat) dan Nik Mustapa Nik Loding (Gual Periok).

Pertemuan itu difahamkan sebagai persediaan untuk bertemu Nik Aziz. Bagaimanapun, dengan Nik Aziz berlansung cuma beberapa minit kerana Menteri Besar terpaksa menghadiri aturcara lain.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan Datuk Annuar Musa berkata UMNO bersikap terbuka berhubung dengan isu pindaan perlembagaan.

"Kita tidak harus campur tangan dalam isu ini kerana menganggapnya masalah dalaman Angkatan," katanya ketika ditemui di kediamannya di sini.

Menurutnya, perkembangan itu ialah antara agenda perbincangan mesyuarat UMNO Negeri esok.

Semua pemimpin UMNO negeri akan diberi penerangan mengenai isu itu bagi membolehkan kata sepakat dicapai sebelum ianya dikemukakan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan.

-- BERNAMA

RAR YBY FAZ